

Headline	Waspada, usah ambil ringan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	8	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,030
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,089



Waspada, usah ambil ringan

KUALALUMPUR - Umat Islam di negara ini dinasihatkan supaya lebih berhati-hati dengan produk makanan sebelum mengandaikannya halal walaupun dihasilkan oleh pengeluar Islam sendiri.

Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal Universiti Putra Malaysia (IPPH), Prof Dr Russly Abdul Rahman berkata, sikap ambil ringan itu menyebabkan ramai pengguna Islam melakukan kesilapan dalam memilih makanan halal.

"Mungkin dari segi bahan utama, kita boleh kenal pasti sama ada halal atau tidak, tetapi kita tidak tahu tahap halal penambah perisa digunakan dalam makanan," katanya.

Justeru, menurut beliau, institut itu bertanggungjawab memastikan setiap bahan di dalam makanan siap diproses adalah halal dengan melakukan analisis untuk mengesan DNA babi, alkohol atau gelatin haiwan.

Menurut Russly, gelatin haiwan, walaupun bukan daripada babi, diragui halalnya kerana ujian sains masih tidak dapat menentukan sama ada haiwan itu disembelih atau tidak.

"Oleh itu, kami sedang membuat penyelidikan lanjut bagaimana mengetahui haiwan, contohnya lembu, yang diguna untuk menghasilkan ge-

latin disembelih atau tidak," katanya.

Menjelaskan mengenai ujian ke atas produk halal, Russly berkata, tempoh ujian bergantung kepada teknik dan jenis ujian yang dijalankan.

Menurutnya, sebagai contoh, DNA babi dalam sesuatu produk boleh dikesan hanya dalam tempoh sejam menggunakan mesin dicipta sendiri oleh IPPH, iaitu Halal Verification System (HAFYS).

Selain mesin canggih tersebut, institut dengan 62 pelajar pasca-siwazah itu turut membangunkan tanah liat dalam bentuk serbuk untuk digunakan semasa proses samak.

"Sebelum ini kita mungkin tidak tahu hikmah di sebalik suruhan Allah SWT supaya menggunakan air tanah bagi membersihkan najis berat.

"Tetapi apabila kajian dibuat, memang benar, selepas cucian air tanah, jumlah bakteria berkurang sama sekali sehingga hampir tiada," katanya sambil mengesahkan produk itu akan dikomersialkan dalam masa terdekat.

Russly berkata, sains dan agama berkait rapat dalam menentukan tahap halal sesuatu produk.

"Contohnya, sains boleh mengu-

kur kandungan alkohol dalam minuman, tetapi untuk menentukan sama ada peratusan alkohol itu haram atau tidak, itu bergantung kepada sudut agama.

"Apa yang menjadi harapan saya adalah Malaysia mampu mempunyai saintis yang juga bergelar ulama, seperti cendekiawan Islam zaman dahulu kala," katanya.

“Mungkin dari segi bahan utama, kita boleh kenal pasti sama ada halal atau tidak, tetapi kita tidak tahu tahap halal penambah perisa digunakan dalam makanan.”

Dr Russly



Pelajar pelatih Diploma Teknologi Makanan dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, Ku Afezal, 22, sedang mengukur kandungan gelatin dalam produk di sebuah makmal di IPPH.

Headline	Waspada, usah ambil ringan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	8	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	369 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,030
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,089

